

05 JANUARI 2018

Jirat Cina jadi lokasi edar heroin

Jirat Cina jadi lokasi edar heroin

SEBERANG PERAI - Rahsia tiga penganggur lelaki yang menjalankan aktiviti mengedar heroin di kawasan jirat Cina, Tokong Siam Sungai Puyu di Mak Mandin, Seberang Perai Utara di sini terbongkar selepas diserbu polis kelmarin.

Suspek terdiri dua lelaki berketurunan India dan seorang Melayu itu diberkas sepasukan polis dari Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik Ibu Pejabat Polis Daerah Seberang Perai Utara (IPD SPU) kira-kira pukul 12 tengah hari.

Ketika ditahan, suspek dipercayai berada di bawah pengaruh dadah dan mereka gagal meloloskan diri.

Ketua Polis Daerah SPU, Asisten Komisioner Noorzainy Mohd. Noor berkata, hasil pemeriksaan ke atas suspek telah menemui dua peket plastik lutsinar dan 34 keratan straw berwarna-warni berisi dadah jenis heroin seberat 18.5 gram.

"Hasil siasatan mendapati dadah tersebut dijual di sekitar kawasan Sungai Puyu di Mak Mandin dan nilai keseluruhan barang yang dirampas dianggarkan bernilai RM 330.00," katanya.